



**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN LANTIKAN PENILAI
DAN TENAGA PENGAJAR BERTAULIAH CIDB
BAGI
PROGRAM PENTAULIAHAN PENYELIA TAPAK BINAAN
(SITE SUPERVISOR)**

DISEDIAKAN OLEH:
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI PENYELIAAN DAN PENGURUSAN
SEKTOR PEMBANGUNAN PERSONEL DAN KONTRAKTOR

Jadual 1: Syarat-syarat permohonan bagi Penilai atau Tenaga Pengajar bagi Program Pentauliahan Penyelia Tapak Binaan

KATEGORI	PENYELIAAN
LEVEL	3
NAMA LATIHAN	PENTAULIAHAN PENYELIA TAPAK BINAAN
PERSIJILAN	PERAKUAN KECEKAPAN PENYELIAAN
SYARAT SEBAGAI PENGAJAR	<ul style="list-style-type: none">a. Ijazah/Diploma dalam bidang pembinaan/bidang berkaitan.b. 10 tahun pengalaman di dalam bidang penyeliaan/pengurusan bagi pemegang Diploma dan 5 tahun bagi pemegang Ijazah.c. Telah ditauliahkan sebagai Penyelia Tapak Binaan Bertauliah (yang berkaitan dengan permohonan) dari CIDB.d. Mempunyai sijil Train the Trainer (TTT) yang diiktiraf oleh CIDB (NIOSH / HRDF).
SYARAT SEBAGAI PENILAI	<ul style="list-style-type: none">a. Ijazah/Diploma dalam bidang pembinaanb. 10 tahun pengalaman di dalam bidang penyeliaan/pengurusan bagi pemegang Diploma dan 8 tahun bagi pemegang Ijazah.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN SEBAGAI TENAGA PENGAJAR

1. Memohon menggunakan Borang Permohonan sebagai Tenaga Pengajar Program Pentauliahan Penyelia Tapak Binaan.
2. Membayar fi pemprosesan permohonan sebanyak RM53 (termasuk 6% GST) sewaktu mengemukakan borang permohonan yang lengkap.
3. Surat pemakluman keputusan perlantikan akan dikeluarkan bersama arahan bayaran sebanyak RM159 (termasuk 6% GST) bagi 2 tahun lantikan.
4. Bayaran boleh dibuat ke atas nama **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA** secara Bank Deraf/Money Order/Tunai di mana-mana kaunter Pejabat Negeri CIDB dan Cawangan dan Ibu Pejabat CIDB, atau secara atas talian (*pemakluman mengenai pembayaran secara atas talian akan dibuat oleh pihak CIDB*).
5. Serahkan salinan resit keputusan perlantikan tersebut ke Bahagian Pembangunan Kompetensi Penyeliaan dan Pengurusan.
6. Sijil Pentauliahan Tenaga Pengajar akan dikeluarkan setelah menerima salinan resit seperti yang disebut di para (5).
7. Tempoh masa 2 tahun lantikan akan bermula dari tarikh bayaran resit keputusan diterima.
8. Sijil Pentauliahan Tenaga Pengajar akan dikepilkan bersekali dengan Terma dan Syarat sebagai Tenaga Pengajar.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN SEBAGAI PENILAI

1. Memohon menggunakan Borang Permohonan sebagai Penilai Program Pentauliahan Penyelia Tapak Binaan.
2. Membayar fi pemprosesan permohonan sebanyak RM53 (termasuk 6% GST) sewaktu mengemukakan borang permohonan yang lengkap.
3. Bayaran boleh dibuat ke atas nama **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA** secara Bank Deraf/Money Order/Tunai di mana-mana kaunter Pejabat Negeri CIDB dan Cawangan dan Ibu Pejabat CIDB, atau secara atas talian (*pemakluman mengenai pembayaran secara atas talian akan dibuat oleh pihak CIDB*).
4. Surat lantikan akan dikeluarkan bersama terma dan syarat serta lampiran berkaitan kepada pemohon yang memenuhi syarat kelayakan.
5. Surat lantikan sebagai penilai adalah untuk tempoh masa 2 tahun dari tarikh surat lantikan.